



KENYATAAN TAWARAN TENDER

Pengusaha Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS) adalah dipelawa untuk menyertai tawaran berikut :

BIL	TAJUK KERJA
1	No. Tender : MPK 500-6/3/10 PERKHIDMATAN PENGURUSAN TASKA DAN PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK MAJLIS PERBANDARAN KLANG

TARAF TENDER & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	TAKLIMAT (TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT)	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
<p>BERDAFTAR DENGAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA & JABATAN KEBAJIKAN MALAYSIA (JKM) & SIJIL KURSUS ASAS ASUHAN KANAK-KANAK ATAU KURSUS ASUHAN DAN DIDIKAN AWAL KANAK-KANAK PERMATA YANG DIKTIRAF OLEH JKM</p>	<p>TAKLIMAT (KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN)</p> <p>TARIKH : 05/12/2019 (KHAMIS) MASA PENDAFTARAN : 9.00-9.30 pg MASA TAKLIMAT : 9.30 pg TEMPAT : Auditorium Raja Ismail, Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Klang</p> <p>Nota : <i>Dokumen Tender hanya akan dijual kepada syarikat yang menghadiri taklimat / lawatan tapak sahaja.</i></p>	<p>MULAI : 06/12/2019 (JUMAAT) Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan</p> <p>Nota : Petender dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran ASAL & SALINAN yang dinyatakan di syarat-syarat tender.</p>	<p>TARIKH TUTUP : 26/12/2019 (KHAMIS) JAM : 12.00 TENGAH HARI Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1, Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber) Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang Selangor Darul Ehsan</p> <p>Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan.</p>

SYARAT-SYARAT :-

1. Setiap dokumen Tender dijual dengan harga **RM 100.00** di kaunter Bahagian Ukur Bahan. Pembayaran dibuat secara tunai dan dokumen tender akan dikeluarkan kepada Syarikat yang sah sahaja. Untuk maksud ini, Pihak Syarikat dikehendaki membawa perakuan / sijil **ASAL** Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**) dan Jabatan Kebajikan Malaysia (**JKM**) berserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **6 DISEMBER 2019**.
2. Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti tertera di atas.
3. Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
4. Hanya **Penama** di dalam **Suruhanjaya Syarikat Malaysia** yang boleh menghadiri taklimat / lawatan tapak.
5. Petender adalah diwajibkan untuk melaporkan diri dan menghadiri taklimat yang akan diadakan pada **5 DISEMBER 2019** jam 9.00 - 9.30 pagi di Auditorium Raja Ismail, Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Klang. Maklumat lawatan tapak akan dimaklumkan semasa taklimat.
6. Petender yang tidak menghadiri taklimat / lawatan tapak tidak layak untuk menyertai Tender.
7. Petender dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**), **kad pengenalan** dan **Cop Syarikat** semasa hari taklimat.
8. Petender perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Petender dan Syarat-syarat Membuat Tender di dalam Dokumen Tender sebelum mengemukakan Tender. Jika dokumen Tender yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, Dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan seterusnya.
9. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan, berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
10. Tarikh akhir penjualan Dokumen Tender adalah pada **24 DISEMBER 2019**. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **BAHAGIAN UKUR BAHAN** di talian 03-3375 8014.

Disediakan oleh :

BAHAGIAN UKUR BAHAN
MAJLIS PERBANDARAN KLANG